

EKONOMI GIG



APA ITU EKONOMI GIG?

Ekonomi gig merujuk kepada satu bentuk ekonomi yang berasaskan pelaksanaan tugas atau perkhidmatan khusus dalam jangka masa tertentu, di mana pembekal dan pembeli perkhidmatan boleh berurus niaga secara langsung dengan kos yang lebih efektif dan fleksibel / tanpa melibatkan majikan

(Sumber : Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD))

JENIS PEKERJAAN EKONOMI GIG

P-PANGGILAN

Penghantaran barang, makanan, minuman menggunakan motosikal, skuter, basikal.

E-PANGGILAN

Pemanduan penumpang menggunakan kenderaan berkapasiti hingga 11 orang melalui aplikasi.

LAIN-LAIN

Pekerja bebas (Freelance). Contoh, bertugas semasa persidangan sebagai jurubahasa bebas

CIRI UTAMA EKONOMI GIG

Platform digital

Contoh:

- Grab
- Foodpanda
- Shopee



Fleksibel

Contoh:

- Masa bekerja
- Tempat bekerja
- Jumlah kerja



Tanpa majikan

Bekerja sendiri atas dasar kontrak untuk perkhidmatan



Upah tidak tetap

Berdasarkan jumlah permintaan pasaran



GIG

EKONOMI GIG DI MALAYSIA

PANDEMIK COVID 19



1

Pandemik COVID-19 menyebabkan masyarakat memilih sektor e-panggilan dan p-panggilan untuk terus menyara hidup akibat kehilangan kerja/pendapatan.

2

Di Malaysia, istilah ekonomi perkongsian digunakan untuk merujuk ekonomi gig. Justeru Jawatankuasa Ekonomi Perkongsian ditubuhkan di bawah seliaan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk menambah baik kebajikan dan perlindungan sosial pekerja gig




EKONOMI GIG



MEMORANDUM



INISIATIF SUHAKAM



TANGGUNGJAWAB SYARIKAT/ PENYEDIA PLATFORM DAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN UNTUK PEKERJA GIG

- 1** **DEFINISI DAN KLASIFIKASI EKONOMI GIG**
Masih tiada definisi jelas dan kategori pekerjaan ini memerlukan pengiktirafan undang-undang yang lebih tepat
- 2** **PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG**
Status pekerjaan yang samar membuka ruang eksploitasi kepada pekerja gig dan perlindungan undang-undang yang lebih kukuh amat diperlukan
- 3** **PERLINDUNGAN SOSIAL**
Akses terhad kepada faedah seperti PERKESO, KWSP dan perlindungan insurans – perlu diperluas demi jaminan kelestarian kehidupan untuk jangka masa panjang
- 4** **SALURAN ADUAN**
Tiada mekanisme aduan – platform mesra pekerja perlu dibangunkan untuk memberikan ruang kepada pekerja menyuarakan isu-isu berbangkit

- 5** **HAK DAN FAEDAH PEKERJAAN**
Pekerjaan ini tidak mempunyai perjanjian bersama – pekerja gig memerlukan akses kepada hak seperti cuti, gaji minimum, dan kebebasan hak berpersatuan
- 6** **KETIDAKSTABILAN PENDAPATAN**
Pendapatan adalah tidak tetap dan berubah-ubah. Terdapat keperluan untuk meneliti semula jaminan kewangan bagi pekerja gig
- 7** **STANDARD GAJI DAN BAYARAN**
Tiada kadar gaji minimum – keperluan wujudkan kadar bayaran serta kadar tambang lantai yang adil dan berpatutan
- 8** **TEKANAN KERJA DAN KESIHATAN MENTAL**
Kerja tidak menentu dan terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan. Pekerja gig memerlukan bantuan daripada aspek sokongan kesihatan mental dan keseimbangan kehidupan dan pekerjaan

